

# Anggota Kabinet dari UMNO akan jawab hujah

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan anggota-anggota kabinetnya dari UMNO akan menjawab hujah-hujah yang dibangkitkan oleh para perwakilan Perhimpunan Agung UMNO Ke-33 esok.

Jawapan-jawapan dan penjelasan dari para Menteri akan bermula sebaik sahaja usul terakhir perhimpunan tahun ini selesai dibentang dan diluluskan.

Usul terakhir tersebut akan dibentangkan oleh Pergerakan Pemuda yang mendesak supaya konsep Bersih, Cekap dan Aamah yang telah menjadi slogan Barisan Nasional hen-

daklah benar-benar diresapi dan dihayati oleh semua peringkat pimpinan negara ini.

Ini termasuklah pimpinan parti di semua peringkat cawangan, bahagian, negeri dan nasional, pemimpin pemimpin dari semua peringkat negeri dan persekutuan dan para pentadbir serta semua peringkat kakitangan Kerajaan.

Ia juga hendaklah dihayati oleh semua lapisan masyarakat sebagai satu amalan dan teras hidup bangsa.

Sejak perhimpunan tersebut bermula semalam, empat usul telah dibentang dan diluluskan oleh para perwakilan seramai 1,300 orang.

No. Siri ..... 2967 .....

No. Penerimaan 712/85